

AMALAN AGIHAN ZAKAT OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

Wan Noor Asmira binti Wan Muhammad, Nawi bin Abdullah,
Hanira Hanafi & Hazrul Izzat bin Hamdan

ABSTRACT

This article explains the distribution of zakat practiced by Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) in Terengganu. The main objective of zakat is to reduce poverty and to balance the range between the poor and wealthy. Quranic verse outlines the condition to whom zakat should be distributed, however silence on the amount entitled by each group. As such, there is an argument on this issue on how the amount should be determined. This article aims to highlight the practice of zakat distribution by MAIDAM over the past 10 years and its capability in realising the objective of zakat.

Keywords: Zakat, Distribution of Zakat, MAIDAM

Fakulti Ekonomi dan
Pentadbiran,
Universiti Malaya
a.nawi@um.edu.my

PENGENALAN

Zakat dari segi bahasa bermaksud bersih, suci, subur, berkat dan berkembang, dan pengertian ini bermaksud ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil terhadap orang miskin. Dalam masa yang sama, zakat bermaksud membersihkan diri daripada sifat dengki dan dendam orang miskin terhadap orang kaya. Sementara itu, zakat dari segi syarak bermaksud mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada golongan asnaf yang berhak, setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Golongan yang berkemampuan wajib menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Zakat yang telah dikutip itu hendaklah diagihkan dan disalurkan kepada golongan yang layak dan pengagihan zakat yang telus dan betul dapat memberi kesan positif terhadap umat Islam, masyarakat, ekonomi, dan negara. Di Malaysia, kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengurus zakat di peringkat negeri masing-masing yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan Artikel 74 dibaca bersama dengan Jadual Ke Sembilan Senarai Negeri. Setiap negeri akan mentadbir segala urusan yang berkaitan dengan zakat dan bagi melaksanakan tujuan ini, kebiasaan negeri akan melantik Majlis Agama Islam di negeri masing-masing untuk mengurus dan mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan zakat. Di Trengganu, MAIDAM atau Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu di pertanggungjawab untuk memastikan pengurusan dan perjalanan hal ehwal Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat. Yusuf Qardawi (1973) berpendapat bahawa kerajaan dan pemerintah memainkan peranan penting dalam pengurusan zakat bagi memastikan golongan yang berkemampuan tidak memandang mudah dalam pembayaran zakat. Ini kerana, kemungkinan besar hak zakat kepada asnaf fakir dan miskin tidak dapat dipenuhi jika terdapat golongan yang tidak membayar zakat. Di samping itu, pengagihan zakat yang dilakukan oleh kerajaan dapat mencukupi keperluan golongan fakir dan miskin berbanding penerimaan secara terus daripada golongan kaya memandangkan kesemua hasil kutipan zakat dikumpulkan terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada golongan yang berhak.

Golongan yang Berhak Menerima Zakat

Mengikut Islam, zakat hendaklah dibahagikan secara adil dan telus terhadap lapan golongan yang layak berdasarkan firman Allah S.W.T. di dalam surah at-Taubah, ayat 60 yang bermaksud;

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Berdasar kepada surah al-Taubah berkenaan, MAIDAM telah mentakrif semula kelapan-lapan golongan tersebut;

Fakir; iaitu orang Islam yang tiada harta atau pendapatan, atau ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50% untuk memenuhi keperluan asasi diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya.

Miskin; ialah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50% keperluannya, tetapi tidak mencapai 100% untuk memenuhi keperluan asasi diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya.

Amil; ialah individu atau organisasi yang dilantik oleh MAIDAM yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja urusan pungutan dan agihan zakat.

Muallaf; Muallaf ialah seseorang yang dijinakkan hatinya dan telah memeluk agama Islam, tetapi tahap keimannya masih lemah.

Al-riqab; Memerdekan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Al-gharimin; Golongan ini ialah golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh hukum syarak. Namun begitu, orang yang berhutang membeli rumah dan kenderaan buka dikategorikan sebagai asnaf al-gharimin.

Fisabilillah; Golongan ini ditakrifkan sebagai orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

Ibnussabil@Musafir; Golongan ini ditakrifkan sebagai mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh hukum syarak dari mana-mana jua negeri atau negara yang memerlukan bantuan seperti putus bekalan dalam perjalannya, tidak dapat memanfaatkan hartanya untuk meneruskan perjalanan, memerlukan kemudahan asas dalam perjalanan, dan juga ditinggalkan dalam perjalanan.

Kaedah Penentuan Agihan Zakat

Zakat yang telah dipungut dan dikumpul hendaklah dibahagikan kepada golongan asnaf yang layak. Di dalam Al-Quran, Allah berfirman agar zakat itu diagihkan secara adil kepada lapan asnaf yang berhak. Namun begitu, tiada nas dan ayat Al-Quran menyatakan dengan jelas tentang kaedah dan jumlah pembahagian zakat kepada asnaf tersebut. Para ulama juga mempunyai pendapat yang berbeza-beza tentang perkara ini, mereka merujuk kepada hadis Nabi Muhammad S.A.W. memandangkan tiada ayat Quran yang jelas tentang ini. Namun begitu, berdasarkan pendapat-pendapat tersebut bahawa pengagihan zakat boleh dibahagikan kepada kaedah pengagihan sama rata ($1/8$ atau 12.5%) atau pengagihan tidak sama rata (bukan $1/8$) seperti pengagihan kepada satu golongan sahaja atau sekurang-kurangnya tiga golongan, dan pengagihan mengikut maslahat (kepentingan).

Pengagihan Sama Rata Kepada Lapan Asnaf ($1/8$); Mengikut pendapat sesetengah para ulama, kutipan zakat hendaklah dibahagikan secara sama rata kepada asnaf. Pengagihan sama rata bermaksud setiap golongan akan mendapat bahagian daripada harta zakat tersebut secara sama rata iaitu $1/8$ atau 12.5% untuk setiap golongan. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), sama rata bermaksud semuanya sama, iaitu tidak berlebihan atau berkurangan, atau tidak ada perbezaan antara satu sama lain. Ini juga sinonim dengan sama banyak, dan sama adil. Ini bermakna, setiap harta zakat hendaklah dibahagikan sama banyak kepada lapan, sebelum dibahagikan kepada asnaf-asnaf yang layak mengikut kategori tersebut. Yusuf Qardawi (1973) memetik pandangan Imam Shafie bahawa harta zakat wajib diratakan kepada lapan golongan. Ini berdasarkan kenyataan beliau iatu;

“Apabila zakat itu diagihkan oleh pembayar sendiri atau wakilnya, maka gugurlah bahagian amil. Dana zakat wajib diagihkan kepada tujuh asnaf yang benar-benar wujud sehingga haram mengabaikan walaupun satu asnaf kerana ia merupakan satu amanah dan tanggungjawab. Dan jika ketujuh-tujuh itu tidak cukup, maka zakat itu boleh dibahagikan kepada golongan yang ada sahaja.”

Mazhab Shafie juga berpendapat bahawa zakat perlu dibahagikan secara sama rata berdasarkan kata Imam Al-Syirazi yang bermaksud;

“Dan Wajib menyamaratakan antara asnaf-asnaf pada bahagian zakat. Dan tidak boleh dilebihkan satu golongan daripada golongan yang lain, kerana Allah telah menyamakan antara mereka.”

Berdasarkan penjelasan oleh Yusuf Qardawi (1973) berdasarkan kepada pandangan Mazhab Shafie tersebut, ini bermakna zakat wajib dibahagikan secara sama rata kepada kelapan-lapan asnaf tersebut seperti yang

dinyatakan dalam surah al-Taubah ayat 60. Ini berdasarkan pemakaian huruf *lam* yang bererti pemilikan dan masing-masing mempunyai hak yang sama kerana dihubungkan dengan huruf *waw* iaitu salah satu huruf ataf yang bererti "dan". Ini bermakna, semua bentuk zakat merupakan milik semua golongan dengan hak yang sama banyak tanpa ada yang terkecuali (Mohamad Uda 2005; Mahmood Zuhdi 2003; dan Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad, 2009).

Mujaini (2005) juga turut berpendapat bahawa zakat perlu dibahagikan sama rata kepada lapan asnaf yang layak. Tetapi, beliau mengklasifikasikan semula asnaf ini kepada tiga kategori atau asas agihan, iaitu:

- i. Agihan berdasarkan keperluan. Agihan ini diberikan kepada golongan asnaf fakir, miskin, hamba, si berhutang dan ibn sabil.
- ii. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Agihan ini diberikan kepada golongan muallaf dan fisabilillah.
- iii. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Agihan ini diberikan kepada amil.

Pengagihan Yang Tidak Sama Rata (Bukan 1/8); Pendapat yang kedua ialah pendapat yang menyatakan bahawa pengagihan zakat tidak semestinya sama rata. Pengagihan yang tidak sama rata tersebut terbahagi kepada satu golongan sahaja atau sekurang-kurangnya tiga golongan asnaf, ataupun mengikut maslahah atau keperluan.

Pengagihan Untuk Satu Golongan Sahaja; Menurut Yusuf Qardawi (1973), zakat juga boleh dibahagikan kepada satu golongan sahaja sekiranya golongan tersebut lagi memerlukan. Para jumhur ulama (Hanafi, Maliki dan Hanbali) berpendapat bahawa zakat boleh dibahagikan hanya kepada satu kelompok sahaja berdasarkan Surah At-Taubah, ayat 60. Mereka berpendapat kelompok-kelompok asnaf disebut dengan huruf alif dan *lam* (*lam* *al-tak'rif*) contohnya *al-fuqara'* yang mengandungi satu kiasan (majaz).

Imam Malik dan kebanyakan para ulama juga berpendapat bahawa pengagihan zakat tidak wajib diratakan kepada semua asnaf, bahkan boleh diberikan kepada satu golongan sahaja walaupun golongan lain masih ada. Mereka berpendapat bahawa ayat At-Taubah itu hanya menjelaskan golongan-golongan yang layak menerima zakat, tetapi tidak menyatakan dengan jelas bahawa zakat itu perlu dibahagikan sama rata kepada semua Asnaf tersebut. Ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Ajarkanlah pada mereka bahwa Allah juga mewajibkan mengeluarkan zakat dari harta-harta mereka. Zakat tersebut diambil dari orang-orang kaya dan dibagikan kepada orang-orang miskin di antara mereka."

Ini menunjukkan zakat boleh dibahagikan kepada golongan miskin sahaja, dan bukannya sama rata kepada semua asnaf. Imam Hanafi juga turut memberikan pendapat yang sama dengan Imam Malik. Mereka berpendapat begitu berdasarkan dalil al-Quran di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 71 yang bermaksud;

"Jika kamu memperlihatkan sedekah kamu, maka adalah baik sekali. Jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada fakir, maka perbuatan menyembunyikan itu adalah lebih baik kepada kamu."

Menurut Hasbi Ash-Shiddieqy (1960), sebahagian para ulama berpendapat bahawa zakat tidak semestinya dibahagikan kepada semua lapan golongan. Hasan al-Bishry, Atha, Said ibn Zubir, Abu Ubaid, Hudzaifah, Ibnu Abbas dan sebagainya menyatakan bahawa zakat itu boleh dibahagikan semuanya kepada satu golongan sahaja atau dua atau tiga golongan jika perlu. Sekiranya zakat itu sedikit, boleh dibahagikan kepada satu golongan sahaja tetapi, jika zakat itu banyak, hendaklah dibahagikan kepada lapan. Ini adalah berdasarkan pendapat Abu Hanifah yang menyatakan bahawa zakat itu tidak semestinya dibahagikan kepada lapan bahagian tetapi boleh diberikan kepada satu asnaf sahaja. Di dalam Fat-hul Qadir pula, ada disebutkan bahawa pemilik harta boleh memberi kepada tiap-tiap orang daripada mereka dan boleh mencukupi kepada satu bahagian sahaja (Hasbi Ash-Shiddiqy, 1960).

Yusuf Qardawi (1973) turut menyatakan bahawa pengagihan zakat adalah sah sekiranya dibahagikan kepada salah satu sasaran asnaf. Ini juga turut disokong oleh Ibrahim al-Nakhla dan Ata. Mereka menyatakan sekiranya

hasil zakat adalah banyak, maka hendaklah diagihkan kepada semua golongan yang berhak. Tetapi, sekiranya hasil zakat itu sedikit, maka boleh diagihkan kepada satu golongan asnaf sahaja (Mujaini Tarimi, 2005).

Pengagihan Mengikut Maslahah Atau Keperluan; Para ulama berpendapat bahawa pembahagian sama rata yang dimaksudkan bukan bermakna semua golongan mendapat 1/8 bahagian, tetapi adalah berdasarkan kepada keperluan mereka. Setiap lapan asnaf tersebut berhak menerima zakat, tetapi berdasarkan keperluan mereka iaitu golongan mana yang lebih memerlukan (Yusuf Qardawi, 1973). Tambahan pula, setiap golongan mempunyai jumlah dan keperluan yang berbeza-beza, oleh itu adalah mustahil untuk mereka mendapat bahagian yang sama, sedangkan keperluan mereka adalah berbeza-beza. Sekiranya golongan fakir dan miskin amat memerlukan, maka pembahagian zakat akan dilebihkan kepada golongan ini. Golongan musafir pula hanya memerlukan zakat sekadar untuk menyempurnakan perjalanan mereka sahaja. Manakala amil hendaklah diberikan bahagian zakat sebagai upah menguruskan zakat dan sebagai ganti pekerjaan yang ditinggalkannya untuk pekerjaan menguruskan zakat berkenaan. Manakala, Ibnu Qudamah mengatakan bahawa ayat 60 dalam surah At-Taubah itu menjelaskan orang-orang yang berhak menerima zakat dan bukan bermaksud zakat harus dibahagi sama rata antara asnaf (Muhammad Abduh Tuasikal, 2014).

Hasbi (1960) berpendapat bahawa Nabi Muhammad S.A.W. juga tidak pernah menetapkan pembahagian zakat itu sama ada dibahagikan semuanya kepada semua lapan golongan atau dibahagikan kepada golongan yang ada sahaja. Khalifah-khalifah Rasyidin juga tidak menetapkan pembahagian zakat kepada lapan golongan tersebut. Bahkan, Saidina Umar tidak memberi bahagian muallaf pada zaman pemerintahannya. Beliau berpendapat bahawa bahagian muallaf tidak sepatutnya diberikan pada masa itu kerana Islam telah kuat pada zaman pemerintahannya. Ini menunjukkan bahawa zakat tidak semestinya diberikan sama banyak kepada semua golongan tersebut. Menurut Hasbi (1960) lagi, Nabi Muhammad dan Khalifah Al-Rasyidin membahagikan zakat berdasarkan kepada kemaslahatan, daripada mereka yang berhak menerimanya dan berdasarkan harta zakat pada masa tersebut dan bukannya sama rata kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Abd Monir (2011) juga berpendapat bahawa zakat tidak semestinya dibahagikan secara sama rata kepada lapan golongan asnaf tetapi asalkan pembahagian zakat tersebut masih lagi mengikut syarak.

Golongan Yang Difokuskan Dalam Agihan Zakat

Zakat sering disebut di dalam al-Quran dan hadis dan ironinya zakat turut disamaartikan dengan sedekah. Secara keseluruhannya, zakat disebut sebanyak 32 kali di dalam al-Quran, dan 82 kali disebut sebagai sedekah dan infak. Terdapat banyak surah al-Quran yang menceritakan tentang zakat seperti perintah Allah untuk memungut zakat, kebaikan berzakat, hukuman tidak mengeluarkan zakat dan sebagainya lagi. Antara ayat-ayat al-Quran tentang zakat yang sering didengar ialah, Surah An-Nisa ayat 77; Surah At-Taubah, ayat 103; Surah Al-Baqarah, ayat 277; Surah Al-Baqarah, ayat 110. Ayat-ayat al-Quran yang berkaitan zakat atau sedekah banyak membincarakan tentang pemberian zakat dan sedekah ini kepada golongan fakir dan miskin berbanding golongan asnaf yang lain. Ini bermaksud Islam amat menitipberatkan asnaf miskin, namun begitu tidak mengabaikan asnaf-asnaf lainnya. Allah S.W.T. juga menggunakan kata-kata seperti *memberi makan dan mengajak memberi makan kepada golongan miskin, mengeluarkan sebahagian rezeki yang diberikan Allah, memberikan hak orang yang meminta-minta, miskin, terlantar dalam perjalanan, membayar zakat* dan sebagainya lagi sebagai simbolik Allah sangat menjaga kepentingan golongan ini, dan sebagai petunjuk golongan ini perlu dibantu.

Di dalam surah al-Muddastir iaitu antara surah awal yang diturunkan, Allah menceritakan tentang golongan yang dimasukkan ke dalam neraka kerana tidak memerhati dan membiarkan orang-orang miskin kelaparan. Manakala, di dalam surah al-Qalam, Allah menceritakan tentang pemilik-pemilik kebun yang dilaknat kerana tidak mahu mengeluarkan sedekah. Allah juga menyuruh umat Islam membuat kebaikan dengan memberi makan dan memerhatikan orang-orang miskin. Umat Islam juga disarankan agar turut mendorong orang lain melakukan kebaikan seperti membantu orang miskin. Di dalam Al-Quran, Allah ada berfirman di dalam Surah Al-Haqqah tentang balasan orang-orang yang mematuhi perintah Allah dan orang-orang yang ingkar dalam melakukan amalan kebaikan kepada orang miskin.

Melalui Surah Ad-Dzariat, ayat 19 Allah menjelaskan bahawa harta kekayaan yang diamanatkan itu mempunyai bahagian orang-orang miskin, dengan itu, orang yang berharta hendaklah memberikan semula hak-hak tersebut

dan tidak seharusnya bakhil untuk menzakatkan sebahagian harta mereka. Di dalam Surah Al-Fajr, Allah berfirman tentang golongan-golongan manusia yang diuji dengan harta kekayaan, ada di antara mereka yang tamak, lalu mereka tidak memberikan harta-harta tersebut kepada yang berhak. Terdapat banyak lagi ayat-ayat Quran yang lain yang menyatakan tentang hak golongan fakir dan miskin di dalam bahagian zakat dan sedekah itu. Ini membuktikan bahawa Islam sentiasa memerhati dan mengutamakan golongan fakir dan miskin.¹

Di samping itu, terdapat juga Hadis Rasulullah S.A.W. tentang pemberian zakat kepada golongan fakir dan miskin. Contohnya, Nabi Muhammad S.A.W. pernah bersabda semasa Baginda memerintahkan Muadz ke Yaman untuk mengutip zakat yang bermaksud;

“Aku diperintahkan untuk mengutip zakat daripada orang kaya di kalangan kamu, kemudian diagihkan semula di kalangan orang fakir di antara kamu.”

Umar bin Khathhab pula ada meriwatkan bahawa katanya Rasulullah pernah ditanya oleh orang, manakah amalan yang paling utama. Sabda Rasulullah S.A.W.:

“Iaitu engkau memasukkan rasa gembira kepada seorang mukmin dengan jalan engkau memberinya makan ketika ia dalam keadaan lapar; atau memberinya pakaian ketika ia dalam keadaan telanjang; atau engkau mahu membantu memenuhi keperluannya.”

(HR Thabranī di dalam Kitab Ausath)

Ramai cendikiawan Islam kontemporari turut berpendapat bahawa zakat sepatutnya mengutamakan golongan fakir dan miskin. Menurut Yusuf Qardawi (1973), fakir dan miskin merupakan sasaran utama dalam bahagian zakat. Zakat yang diberikan kepada golongan ini aka dapat menghapuskan kebencian dan hasad denki dari golongan ini kepada golongan berharta. Tambahan pula, di dalam Surah At-Taubah; ayat 60, Al-Quran telah menyatakan dengan jelas dan mendahulukan golongan yang penting. Ini sama seperti perintah Allah yang mendahulukan mengucap dua kalimah syahadah berbanding empat asas Islam yang lain (Yusuf Qardawi, 1973). Syed Othman Al-Habshi (1990) pula menyatakan bahawa golongan fakir dan miskin hendaklah diutamakan dalam pengagihan zakat kerana golongan ini adalah yang terawal disebut di dalam surah a-Taubah, ayat 60. Manakala, di antara lapan golongan tersebut, enam daripadanya tergolong di dalam orang yang susah berbanding amil dan muallaf. Sementara itu, Hasbi Ash-Shiddieqy (1960) berpendapat bahawa zakat merupakan senjata yang paling kuat dalam memerangi kefakiran dan kemiskinan, serta sebagai satu unsur pembinaan masyarakat yang adil, makmur, dan sejahtera.

Ali Akhbar Osman (1995) berpendapat bahawa tujuan utama membayar zakat adalah untuk membantu umat Islam yang fakir dan miskin dan meringankan beban mereka serta merapatkan jurang di kalangan masyarakat. Zakat dapat membantu mengurangkan beban yang golongan fakir dan miskin yang ditanggung kerana kekurangan harta dan tiada pendapatan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan mereka. Pemberian zakat kepada golongan ini juga mampu menghindarkan perasaan iri hati kepada golongan berkemampuan. Di samping itu juga, pemberian zakat kepada golongan ini juga mampu menghindarkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang kurang bermoral seperti mencuri, merompak dan sebagainya kerana terdesak untuk mencukupi keperluan hidup mereka.

Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa golongan fakir dan miskin merupakan golongan yang utama mendapat bahagian zakat. Zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup fakir dan miskin. Secara amnya, zakat dapat meningkatkan pendapatan dan membasi kemiskinan serta mengurangkan jurang antara kaya dan miskin. Dana zakat yang disumbangkan untuk pendidikan, kesihatan, dan kebajikan sosial berpotensi besar meningkatkan produktiviti golongan miskin (Mannan, 1992; Ataul Haq, 1993; Mohd Ma'ssum Billah, 1996; Mujaini Tarimin, 2005).

¹ Surah At-Taubah, ayat 60; Surah Al-Baqarah, ayat 177; Surah Al-Baqarah, Ayat 215; Surah Al-Baqarah, ayat 271; Surah Al-Baqarah, Ayat 273; Surah Al-Isra, ayat 26; Surah Ar-Rum, ayat 38; Surah Al-Ma'aarij, Ayat 19-25; Surah Al-Mujaadalah, Ayat 12; Surah An-Nisaa', Ayat 8; Surah Al-Hajj, Ayat 28.

Amalan Agihan Zakat Di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Trengganun (MAIDAM)

Secara umumnya, MAIDAM mengagihkan zakat kepada lapan golongan seperti yang telah dinyatakan di dalam Surah At-Taubah, ayat 60. Jadual 1 (lihat Lampiran) menjelaskan kaedah agihan yang diamalkan oleh MAIDAM sepanjang sepuluh tahun kajian. Merujuk kepada jadual tersebut, dapat dilihat bahawa MAIDAM mengagihkan zakat kepada kesemua lapan asnaf yang layak kecuali pada tahun 2010, di mana tiada bahagian zakat untuk asnaf al-riqab. Dapatan ini menunjukkan bahawa setiap asnaf mendapat bahagian zakat yang berbeza-beza mengikut keperluan mereka pada setiap tahun. Jumlah yang diberikan di antara setiap asnaf juga turut berbeza-beza mengikut tahun. Ada di antara asnaf yang mendapat bahagian yang sedikit, manakala ada asnaf yang mendapat bahagian yang lebih besar. Walau bagaimanapun, asnaf fakir dan miskin sentiasa mendapat bahagian zakat yang lebih besar berbanding golongan lain sepanjang tempoh sepuluh tahun kajian.


Kaedah agihan yang diamalkan oleh MAIDAN adalah kaedah agihan mengikut keperluan. Mengikut kaedah ini, semua asnaf akan mendapat bahagian masing-masing, tetapi berdasarkan kepada keperluan mereka. Walau bagaimanapun, kaedah ini memenuhi kehendak Islam memandangkan tiada golongan yang terkecuali, dan ia melebihkan bahagian zakat tersebut kepada golongan fakir dan miskin.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa peratus agihan zakat yang paling banyak ialah kepada asnaf miskin, diikuti oleh golongan fisabilillah, fakir dan amil. Keempat-empat asnaf ini berada di peringkat teratas, berbanding dengan asnaf riqab, musafir, gharimin dan muallaf. Walaupun asnaf miskin merupakan golongan yang mendapat peruntukan agihan zakat lebih besar, tetapi peratus bahagian zakat yang diperolehi oleh golongan semakin menurun daripada 60.45% pada tahun 2006 kepada 36.32% pada tahun 2015. Manakala, peratus agihan untuk golongan fakir dan amil semakin meningkat. Peratusan untuk asnaf fakir meningkat daripada 9.01% pada tahun 2006 kepada 19.2% pada tahun 2015. Peratusan amil pula meningkat daripada 9.71% kepada 11.04%. Peratusan untuk golongan amil juga meningkat dengan mendadak pada tahun 2008, iaitu sebanyak 26.09% sebelum turun semula kepada 13.97% pada tahun 2009.

Untuk kategori asnaf muallaf, riqab, gharimin dan musafir, peratusan agihan untuk keempat-empat bahagian ini agak kecil, terutamanya kepada musafir dan al-gharimin. Peratusan mereka agak mendatar untuk sepanjang sepuluh tahun kajian iaitu tidak melebihi 1%. Muallaf juga mendapat bahagian yang agak sedikit iaitu tidak melebihi 6% dalam tempoh kajian. Peratus yang paling tinggi untuk golongan muallaf ialah pada tahun 2007 iaitu 5.15% manakala, yang paling sedikit ialah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 2.79%.

Gambarajah 1

Peratus Agihan Zakat Kepada Asnaf diTrengganu: 2006-2015



Sumber: MAIDAM pelbagai tahun (disesuaikan)

Jika dilihat kepada asnaf fakir dan miskin, hampir semua tahun menunjukkan bahawa peratus untuk kedua-dua golongan ini melebihi 50%, kecuali pada tahun 2008 iaitu hanya 47.69%. Jadual di bawah menunjukkan, peratus agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin melebihi 50% daripada keseluruhan agihan setiap tahun kecuali pada tahun 2008. Agihan zakat yang tertinggi untuk kedua-dua golongan ini ialah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 74.65%, manakala yang paling sedikit ialah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 47.69%. Dapatkan ini menunjukkan bahawa golongan ini amat dititik beratkan dalam agihan zakat oleh MAIDAN.

Jadual 2

Peratus Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin Tahun 2006-2015

TAHUN	FAKIR	MISKIN	JUMLAH
2006	9.01	60.45	69.46
2007	9.54	55.01	64.55
2008	10.06	37.63	47.69
2009	9.12	52.58	61.7
2010	20.42	34.71	55.13
2011	19.21	32.54	51.75
2012	15.46	38.42	53.88
2013	21.90	28.88	50.78
2014	26.52	36.67	63.19
2015	19.21	36.32	55.53

Sumber: MAIDAN pelbagai tahun.

Jika diamati dengan teliti, MAIDAM amat mengutamakan kedua-dua asnaf ini di dalam bahagian zakat. Ini dibuktikan dengan pelbagai program yang dibuat untuk golongan ini. Bahagian zakat yang diberikan kepada kedua-dua golongan ini bukan sahaja berbentuk tunai, tetapi juga melalui pelbagai kaedah yang dapat membantu mencukupi keperluan setiap asnaf. Bantuan sara hidup berjumlah RM3000 diberikan setiap tahun untuk asnaf fakir dan miskin yang memerlukan. Manakala, bantuan kewangan atau bantuan sara bulanan diberikan kepada golongan ini setiap bulan bagi mencukupkan keperluan hidup mereka. Sebanyak RM250 diberikan kepada ketua keluarga dan tambahan RM50 untuk setiap tanggungannya. Ada golongan fakir dan miskin mendapat bantuan bulanan sehingga RM850 untuk satu keluarga. Manakala, ada juga di antara golongan ini yang mendapat bantuan RM970 setiap bulan kerana masalah kesihatan yang dihidapi oleh mereka (MAIDAM, 2016).

Jadual-jadual di bawah menunjukkan bilangan asnaf fakir dan miskin yang mendapat bahagian zakat pada tahun 2012, 2013 dan 2014 mengikut jenis-jenis bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan bulanan, bantuan bina dan baikpulih rumah, bantuan modal, bantuan makanan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, golongan asnaf miskin dan fakir yang mendapat bahagian zakat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Oleh itu, adalah wajar sekiranya nilai kewangan agihan zakat kepada kedua-dua golongan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Jadual 3

Jenis Bantuan dan Bilangan Asnaf Yang Mendapat Bantuan Dari Maidan

JENIS BANTUAN	BIL ASNAF/PERBELANJAAN					
	2012		2013		2014	
	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)
BANTUAN SARA HIDUP	1,782	1,727,493	1,764	3,616,083	3,422	5,068,325
BANTUAN BULANAN	2,066	6,930,506	1,986	6,241,250	1,975	5,592,660
BANTUAN BINA DAN BAIKPULIH RUMAH	144	4,895,994	116	2,317,800	367	7,581,910
BANTUAN PERUBATAN	275	316,900	471	783,650	497	800,472.70
BANTUAN MAKANAN	-	-	-	-	2,700	4,441,469

Sumber: MAIDAM 2016

Jadual 4

Jenis Bantuan dan Bilangan Asnaf Yang Mendapat Bantuan Zakat dari Maidan

JENIS BANTUAN	BIL ASNAF/PERBELANJAAN					
	2012		2013		2014	
	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)
BANTUAN MODAL	233	472,010	245	399,608.79	429	1,045,551.80
BANTUAN PENDIDIKAN	30	82,000	22	69,681	6,063	2,237,720
BANTUAN KURSUS LATIHAN ANAK-ANAK ASNAP	40		40		37	129,840
BANTUAN SERTA MERTA	1,700	124,999	2,115	214,214.40	2,061	215,425.80
BANTUAN SEMPENA RAMADHAN	35,730	13,248,350	5,950	2,541,350	13,643	5,891,350
BANTUAN SEWA RUMAH	0	0	0	0	29	45,120

Sumber: MAIDAM 2016

Jadual 4.7

Bilangan Asnaf Yang Mendapat Bantuan dari Maidan

JENIS BANTUAN	BIL ASNAF/PERBELANJAAN					
	2012		2013		2014	
	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)	ORG	RM (.00)
RUMAH TRANSIT	0	0	0	0	0	0
KECEMASAN / BENCANA ALAM	11	19,000	21	50,300	143	3,210,310
BANTUAN / PENGURUSAN PEMBINAAN PUSAT HEMODIALISIS	0	0	1	900,000	4	705,000
BANTUAN PENGURUSAN RUMAH KEBAJIKAN/PERLINDUNGAN PESAKIT KRONIK/HIV	4	618,329.26	398	1,538,888.38	7	773,430
BANTUAN PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM MAIDAM / NGO	-	-	1	1,700,000	0	0

Sumber: MAIDAM 2016

Kaedah Pemberian Zakat di MAIDAN

Untuk meningkatkan bantuan kepada fakir dan miskin, MAIDAM telah memperkenalkan program bantuan makanan dan barang dapur untuk golongan ini pada tahun 2014. Seramai 2,700 asnaf fakir dan miskin telah diberikan bantuan tersebut, yang mencecah RM4,441,469.00. Program ini dilakukan bagi memastikan golongan fakir dan miskin mendapat nutrisi yang seimbang, keperluan makanan yang mencukupi, dan sebagainya. Program ini juga mampu menghindarkan masalah penyalahgunaan bantuan memandangkan bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk makanan yang tidak dapat disalahgunakan seperti bantuan kewangan. Ini kerana, terdapat kes penyalahgunaan wang bantuan yang diberikan untuk kegunaan lain yang tidak sepatutnya (MAIDAM, 2016).

Selain itu, terdapat juga bantuan modal perniagaan seperti wang modal, barang-barang perniagaan, kenderaan untuk bermula dan sebagainya turut diberikan. Seramai 233 orang asnaf fakir dan miskin diberikan bantuan modal berjumlah RM472,010 pada tahun 2012 dan pada tahun 2013 pula, seramai 245 orang diberikan bantuan modal sebanyak RM399,608.79 dan angka ini terus meningkat pada tahun 2014 di mana seramai 429 orang asnaf fakir dan miskin diberikan bantuan modal berjumlah RM1,045,551.80. Dapatkan ini menunjukkan bahawa golongan fakir dan miskin ini tidak hanya dibantu untuk mencukupkan perbelanjaan asas untuk tempoh itu sahaja tetapi mereka juga dibantu agar mampu membebaskan diri daripada lingkaran kemiskinan pada masa akan datang. Golongan ini digalakkan untuk berusaha membebaskan diri daripada kemiskinan dan seterusnya menjadi kumpulan yang mampu untuk mengeluarkan zakat pada masa akan datang.

Generasi muda dari asnaf fakir dan miskin juga turut dibantu terutamanya dari aspek pendidikan. Pendidikan merupakan asas kepada kemajuan. Sekiranya golongan fakir dan miskin mendapat pendidikan yang secukupnya, mereka mampu keluar daripada masalah kemiskinan. Oleh itu, bahagian zakat yang dibahagikan kepada golongan fakir dan miskin turut merangkumi sistem bantuan untuk pendidikan seperti bantuan biasiswa pelajaran/persekutuan, bantuan kewangan untuk bahan bacaan, bantuan makanan pelajar sekolah, dan sebagainya. Bantuan ini difokuskan kepada anak-anak golongan asnaf yang menerima zakat. Contohnya, pada tahun 2012, seramai 30 orang anak-anak asnaf fakir dan miskin diberikan bantuan pendidikan sebanyak RM82,500. Pada tahun 2013 pula, seramai 22 orang diberikan bantuan sebanyak RM69,681. Angka ini meningkat dengan mendadak pada tahun 2014 di mana seramai 6,063 orang anak-anak asnaf fakir dan miskin diberikan bantuan zakat sebanyak RM2,237,720.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan agihan zakat, MAIDAM telah bekerjasama dengan Yayasan Waqaf dan Giat Mara untuk membantu golongan asnaf untuk menimba ilmu dalam bidang produk manisan dan roti. Elaun sebanyak RM200, tempat tinggal, dan makanan diberikan kepada golongan ini setiap bulan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan anak-anak asnaf yang lemah dalam pelajaran untuk membuat makanan berdasarkan manisan dan roti. Usaha ini dilakukan agar golongan asnaf yang lemah dalam pelajaran mampu dan berjaya dengan teknik kemahiran dalam bidang keusahawanan (MAIDAM, 2016).

Pada tahun 2013, MAIDAM telah memperkenalkan tiga program baru iaitu At-Taaibiin, Al-Islaah, dan Al-Birru untuk membantu golongan fakir dan miskin dalam kawasan Kuala Terengganu. At-Taaibiin ialah sebuah kompleks pembangunan yang mengandungi pusat perlindungan dan bimbingan akidah, pemurnian akhlak dan akademi latihan mubaligh termasuklah bengkel untuk membangunkan industri kecil seperti kraftangan, pembungkusan dan pemprosesan makanan. Al-Islaah pula ialah sebuah program ikhtiar bersepada untuk mengeluarkan golongan fakir dan miskin melalui pemberian asas dan pembangunan latihan kemahiran dengan kerjasama agensi kerajaan, NGO dan swasta seperti Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) bagi tujuan pemasaran dan pembangunan usahawan. Al-Birru ialah program yang menyediakan kemudahan asrama kepada warga emas daripada golongan fakir, miskin, muallaf dan ibu tunggal yang lemah atau lanjut usia dengan dilengkapi bengkel bagi industri ringan. Pembangunan asrama ini dibuat berhampiran dengan masjid, atau di dalam kawasan masjid yang mempunyai keluasan kawasan yang bersesuaian (Bajet MAIDAM, 2013).

Asnaf fisabilillah pula mencapai peratus yang kedua banyak pada sepuluh tahun tersebut selepas golongan miskin. Secara umumnya, zakat yang diberikan kepada fisabilillah adalah untuk golongan atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya. Bahagian zakat yang diagihkan kepada golongan ini adalah melalui pelbagai program khas untuk semua orang yang berhak seperti bantuan program atau ceramah agama, bantuan untuk masjid atau surau ataupun sekolah agama, bantuan untuk para pelajar, bantuan untuk pusat hemodialisis, rumah anak yatim dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, terdapat empat puluh satu program untuk golongan fisabilillah yang diberikan bahagian zakat untuk setiap tahun. Sebahagian besar daripada program dan bantuan untuk golongan ini memerlukan belanja yang besar. Di samping itu juga, ada di kalangan fisabilillah itu sendiri merupakan golongan yang berada di dalam kategori yang kurang berkemampuan seperti fakir dan miskin. Ini menyebabkan peratus agihan zakat untuk bahagian ini semakin meningkat dari semasa ke semasa bahkan kebanyakan peratusan tahun-tahun tersebut melebihi agihan untuk fakir.

Untuk bahagian amil pula, MAIDAM mengagihkan bahagian zakat kepada semua amil yang dilantik oleh majlis tersebut. Secara keseluruhannya, pada masa kini, terdapat lebih daripada satu ribu amil yang dilantik oleh MAIDAM. Pengagihan zakat yang diberikan kepada amil berdasarkan upah dan gaji kepada mereka, melalui ambilan terus oleh amil dan program-program yang disediakan untuk mereka.

Bahagian zakat yang diberikan untuk muallaf, al-riqab, al-gharimin dan musafir adalah mendatar untuk sepanjang sepuluh tahun tersebut. Peratus untuk golongan muallaf tidak melebihi 10% sepanjang sepuluh tahun tersebut. Peratus yang paling tinggi ialah sebanyak 5.15% pada tahun 2007. Manakala, peratus yang paling sedikit ialah pada tahun 2008 iaitu sebanyak 2.58%. Bahagian zakat yang diberikan kepada golongan ini adalah untuk memastikan mereka dapat menjalani rutin harian yang selesa, sama seperti sebelum memeluk Islam. MAIDAM juga menampung pelbagai kos keperluan golongan itu termasuk bantuan sara hidup, perubatan, pelajaran, perniagaan, perkahwinan dan sebagainya. MAIDAM juga ada menyediakan asrama transit atau tempat tinggal sementara di Kompleks Darul Hidayah, Jalan Sultan Omar kepada golongan ini termasuk makan dan minum percuma pada tiga bulan pertama memeluk agama Islam. Penubuhan asrama transit ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka mencari pekerjaan dan juga tempat tinggal memandangkan mereka baru sahaja memeluk Islam dan sesetengah mereka kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal selepas memeluk Islam. Jumlah saudara baharu di Terengganu juga semakin meningkat saban tahun. Pada tahun 2010, sebanyak 123 orang telah memeluk Islam, 126 orang pada tahun 2011, 49 orang pada tahun 2012, 139 orang pada tahun 2013, 69 orang pada tahun 2014, dan 73 orang pada tahun 2015 (MAIDAM, 2016).

Al-riqab, Al-gharimin, dan musafir merupakan tiga golongan yang mendapat bahagian zakat yang paling sedikit sepanjang tempoh seuluh tahun tersebut. Majoriti bahagian zakat yang diberikan kepada golongan ini tidak mencapai 1% daripada keseluruhan agihan zakat untuk setiap tahun. Ini kerana kehidupan zaman sekarang telah banyak berubah. Konsep perhambaan tidak lagi diguna pakai pada zaman ini. Namun begitu, MAIDAM tetap mengagihkan bahagian zakat al-riqab untuk golongan yang memerlukan perlindungan dan bantuan untuk terus hidup terutamanya golongan yang terlibat dengan penyakit kronik, terlibat dengan jenayah, golongan yang dieksplorasi seperti kanak-kanak dan wanita untuk melakukan jenayah, dan golongan wanita dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Bantuan yang diberikan ialah seperti bantuan pemurnian akidah atau pemulihan akhlak, untuk pengurusan rumah perlindungan pesakit kronik atau HIV, pengurusan pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak, dan sebagainya (MAIDAM, 2016).

Golongan al-gharimin pula mendapat bahagian zakat sekiranya mereka berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh hukum syarak. Namun begitu, orang yang berhutang untuk membeli rumah dan kenderaan bukan dikategorikan sebagai asnaf al-gharimin walaupun itu merupakan keperluan asas untuk mereka. Bahagian zakat yang yang diberikan kepada asnaf al-Gharimin adalah seperti bantuan untuk membayar hutang kos perubatan, pengurusan jenazah tanpa waris, dan sebagainya. Namun begitu, terdapat beberapa prosedur yang dijalankan oleh pihak MAIDAM bagi memastikan kebenarannya. Berdasarkan graf tersebut, peratus golongan al-gharimin mendapat bahagian zakat hampir sama untuk setiap tahun iaitu sekitar 0.08% sehingga 0.83%. Jumlah yang paling banyak diberikan kepada golongan ini ialah pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM1,027,884.

Golongan musafir juga turut mendapat bahagian yang paling sedikit dan mendatar untuk tempoh sepuluh tahun tersebut. Merujuk kepada graf di atas, golongan ini mendapat bahagian zakat sekitar 0.02% sehingga 0.3% sepanjang tempoh sepuluh tahun tersebut. Ini kerana, keadaan kehidupan sekarang adalah berbeza berbanding zaman dahulu. Musafir kini tidak lagi menghadapi masalah keputusan disebabkan kecanggihan teknologi pada masa kini. Golongan musafir yang dimaksudkan juga semakin berkurangan pada masa kini.

KESIMPULAN

Kaedah yang diamalkan oleh MAIDAM adalah mengikut syariat Islam dan Berjaya mencapai objektif utama zakat. Daripada amalan yang dilaksanakan, masing-masing berdasarkan kepada keperluan mereka pada setiap tahun dan tiaada pengecualian untuk mana-mana golongan asnaf. Amalan agihan zakat mengikut keperluan yang diamalkan oleh MAIDAM dapat mencapai objektif utama zakat dalam membantu golongan fakir dan miskin. Tambahan pula, walaupun MAIDAM mengamalkan agihan mengikut keperluan, tetapi keperluan asnaf lain turut diberikan perhatian. Kaedah yang diamalkan oleh MAIDAM iaitu mengagihkan zakat mengikut maslahah atau keperluan merupakan kaedah yang tepat pada masa kini, memandangkan setiap asnaf memerlukan kadar bantuan yang berbeza sejajar dengan keperluan kehidupan mereka. Setiap bahagian zakat yang diberikan kepada mereka merupakan jumlah yang terbaik untuk memenuhi keperluan mereka. Bahagian zakat yang diberikan kepada asnaf mampu untuk meringankan beban mereka sekeluarga serta mampu menyelesaikan masalah keperluan asas asnaf dan seterusnya menjadi pemangkin untuk kejayaan mereka pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob (2011). *Konsep Agihan Zakat Menurut Syarak*. Bengkel Hukum Syarak Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.
- Ali Akhbar Osman (1995). *Mengapa Perlu Membayar Zakat? Apakah Kelebihan Zakat? Apakah Azab Jika Tidak Membayar Zakat?* Kuala Lumpur; Al-Hidayah Publisher
- Al-Quran Al Karim. Malaysia; Al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
- Ataul Haq (1993). *Development and Distribution in Islam*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Bahagian Kewangan, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.
- Bahagian Urusan Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.
- Bajet 2013 (2013). Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1422H/2001M.* Enakmen Terengganu Bil. 2 tahun 2001. Warta Kerajaan.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan asnaf: Kajian di Malaysia oleh Kumpulan Kajian Ekonomi & Kewangan Islam.* Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09 pada 10-11 Februari 2009 di APIUM.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati?* Jurnal Syariah. 17 (1) 2009: 89-112.
- Hamizan Ahmad (2015) Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.
- Hasbi Ash-Shiddieqy (1967). *Pedoman Zakat.* Jakarta: Bulan Bintang.
- Kamus Dewan Dan Pustaka Edisi Keempat* (2014). Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (2016). Diperoleh dari <http://www.maidam.gov.my/index.php/>
- Mahmood Zuhdi, (2003). *Pengurusan Zakat.* Undang-undang zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail. 2004. Pengantar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mannan Muhammad Abdul (1992). *Ekonomi Islam: Teori Praktis (Asas-Asas Ekonomi).* Terj. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Mohd. Ma'sum Billah (1996). *The Modern Social Security System – The Institution of 'Zakat' An Appraisal.* Business Law Journal, February 1996.
- Mohamad Uda Kasim (2005). *Zakat Teori, Kutipan dan Agihan.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Abduh Tuasikal (2014). *Panduan Zakat.* Indonesia; Pustaka Muslim
- Mujaini Tarimin (2005). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mujaini Tarimin (2005). *Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan.* Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Syed Othman al Habshi (1990). *Peranan dan Struktur Bayt al Mal, Zakat dan Wakaf Di Dalam Konteks Peralihan Arah Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam.* Kertas kerja di bentang dalam Seminar On Islam and Development anjuran UIAM.
- Syekh Dr Yusuf Al-Qardawi (1973). *Fiqhuz-Zakat.* Libanon; Muassat.
- T.M. Hasbhi Ash-Shiddieqy (1960). *Pedoman Zakat.* Indonesia; N.V. Al Ma'arif.
- Yusuf Al-Qardawi (1987). *Hukum Zakat: Studi Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Quran Dan Hadis.* Indonesia; Pustaka Litera Antar Nusa.